



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	25/9/2019	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	JKPTG			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Projek tambak laut di Melaka

Kerajaan rugi RM150j?

Oleh **SUFFIAN ABU BAKAR**
 pengarang@utusan.com.my

■ MELAKA 24 SEPT.

KERAJAAN Negeri Melaka didakwa mengalami kerugian dianggarkan hampir RM150 juta berikutan tindakan segelintir pemilik konsesi syarikat tebus guna tanah yang mengaut keuntungan dalam menjalankan kerja-kerja menambak laut di sepanjang pantai negeri ini.

Kerugian tersebut dianggar berdasarkan kepada sejumlah 2,000 hektar tanah telah ditambah di sepanjang kira-kira 20 kilometer pesisiran pantai negeri ini sejak tahun 1980-an.

Segelintir syarikat konsesi yang mendapat lesen untuk menambak pasir di perairan negeri ini dipercayai membuat pengisytiharan palsu kepada Kerajaan Pusat menerusi Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (KPTG) di Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli sehingga menyebabkan kerajaan negeri gagal mendapatkan hasil.

Perkara tersebut didedahkan oleh bekas Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron ketika ucapan penangguhan Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) baru-baru ini yang membangkitkan cadangan untuk membantu kerajaan negeri menambak hasil pendapatan.

Idris dalam ucapan beliau itu memaklumkan telah menerima laporan daripada pihak tertentu bahawa selama ini termasuk se-

waktu pemerintahan kerajaan terdahulu, berlaku penyelewengan dalam salah satu punca hasil kerajaan negeri iaitu aktiviti penambakan pasir.

“Perkara ini pernah dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara iaitu ada kemungkinan berlaku kekhilafan ketika menghitung jumlah pasir yang digunakan oleh konsesi di mana jumlah pasir ditambah melebihi apa yang diisytiharkan pihak konsesi.

“Isu ini serius kerana sebahagian royalti tambahan pasir itu diserahkan kepada Kerajaan Pusat dan sebahagian lagi milik kerajaan negeri,” kata Idris memetik ucapan penangguhan beliau dalam Persidangan DUN baru-baru ini.

Difahamkan, aktiviti penambakan laut di Melaka dikawal oleh KPTG di peringkat Pusat manakala kerajaan negeri menerusi Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) bertindak selaku pengendali yang memberikan lesen kepada syarikat pemilik konsesi dan pemaju yang melaksanakan kerja-kerja penambakan.

Contoh penyelewengan yang berlaku adalah syarikat konsesi hanya membayar sedikit daripada jumlah pasir yang ditambah kepada KPTG sedangkan mereka menerima bayaran daripada pemaju mengikut kadar yang ditetapkan.

Sementara itu difahamkan, Idris telah dipanggil untuk



IDRIS HARON

memberi keterangan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan Melaka (Melcat) berhubung cadangan beliau dan dakwaan terdapat unsur penyelewengan dalam isu penambakan pasir itu di Seri Negeri semalam.

Beliau memberi keterangan selama sejam setengah kepada jawatankuasa itu yang dipengerusikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Duyong, Damian Yeo Shen Li dan turut hadir ialah tiga ahli jawatankuasa Melcat iaitu Gue Teck (ADUN Klebang); Datuk Roslan Ahmad (ADUN Merlimau) dan Datuk Nor Azman Hassan (ADUN Pantai Kundur).

Sementara itu, Damian ketika dihubungi berkata, pihaknya telah menerima keterangan dan cadangan yang diberikan oleh Idris mengenai dakwaan tersebut dan akan mengadakan mesyuarat dalam tempoh terdekat bagi menentukan apa tindakan selanjutnya daripada jawatankuasa itu.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan Melcat akan memanggil mana-mana agensi atau pihak yang terlibat bagi memberi keterangan namun menegaskan siasatan ini akan memakan masa kerana ia dilaporkan telah berlaku sejak kebenaran menambak laut dikeluarkan iaitu sekitar 1980-an.